

**Agong Serah Watikah Pelantikan Kepada Duta
Bernama
13 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menyerahkan Watikah Pelantikan kepada tiga duta besar Malaysia ke luar negara di Istana Negara di sini.

Mereka ialah Datuk Mohd Zamri Mohd Kassim yang akan ke Filipina, Tajul Aman Mohammad ke Timor Leste dan Anuar Kasman ke Bosnia Herzegovina.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, Mohd Zamri sebelum ini berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Konsular di Jabatan Protokol dan Konsular dari 2010 hingga 2012.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Oman dari 2007 hingga 2010 dan Duta Besar Malaysia ke Sudan dari 2003 hingga 2007.

Tajul pula berkhidmat sebagai Menteri Penasihat Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand dari 2009 hingga Jun 2012 dan pernah menyandang jawatan Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah, Arab Saudi (2005-2007) serta Kaunselor di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Harare, Zimbabwe (2002-2005).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=915129>